



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	SELANGORKINI
Date	20 JANUARY 2017

Hadkan kuasa PM

Selangor kini - 20/1/2017

SHAH ALAM - Kuasa Perdana Menteri akan dihadkan bagi mengelak penyalahgunaan kuasa jika pembangkang memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), kata Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, cadangan itu akan dikemukakan kepada pimpinan Pakatan Harapan (PAKATAN) bagi memastikan kuasa yang ada pada perdana menteri digunakan untuk memelihara kepentingan rakyat, bukan atas dasar kepentingan peribadi.

"Saya akan bincang dengan pimpinan parti PAKATAN dan kita sudah mengadakan perjanjian kerjasama untuk menilai kuasa perdana menteri yang boleh dihadkan dengan tujuan meningkatkan integriti serta akauntabiliti," katanya ketika Majlis Pelancaran PPBM di Stadium Malawati, di sini, pada 14 Januari lalu.

Katanya, PPBM juga akan mencadangkan reformasi insti-

tusi penting dilaksanakan seperti Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya institusi terbabit berfungsi seperti termaktub dalam perlembagaan juga undang-undang negara.

Muhyiddin berkata, PPBM turut mencadangkan Suruhanjaya Diraja ditubuhkan bagi menyasat skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan membawa pihak bertanggungjawab ke muka pengadilan.

"Bagi memberi keadilan kepada rakyat yang terpaksa menanggung beban hutang 1MDB, kita akan menuntut wang dan harta 1MDB yang dicuri juga dibawa lari ke luar negara supaya dikembalikan ke Malaysia secepat mungkin.

"Ini adalah sesuatu yang gagal dibuat kerajaan Barisan Nasional (BN) sehingga hari ini," katanya.